

Newspaper	Sinar Harian
Date	07/08/2017

Najib, Tun M akan sepentas?

Sinar Harian – 7 Ogos 2017



PETALING JAYA - Pengerusi Bersatu, Tun Dr Mahathir Mohamad dijadualkan akan berada sepentas dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 13 Ogos ini. Ketua Armada Bersatu, Syed Saddiq Abdul Rahman berkata, untuk itu segala persiapan ke arah menyempurnakan majlis itu giat dilakukan pihaknya sekarang.

"13 hari bulan ini, Armada akan anjurkan Majlis Nothing2Hide 2 (N2H2), di mana Tun M, dan Najib akan sepentas untuk menjawab segala soalan yang berbangkit," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang media Pemuda Pakatan Harapan di Ibu Pejabat Bersatu di sini hari ini. Syed Saddiq berkata, Mahathir telah menyatakan persetujuan untuk menghadiri majlis ini, namun di pihak Najib, mereka belum mendapat jawapan.

"Tun M menyatakan kesedian untuk menjawab segala soalan, termasuk mengenai kekayaan anak-anaknya, isu kronisme dan lain-lagi dan untuk Najib kita sudah serahkan surat rasmi ke Pejabat Perdana Menteri," katanya. Menurutnya, Majlis Nothing2Hide 2 (N2H2), turut menjemput semua pimpinan Umno, selain terbuka untuk rakyat dan pengamal media.

"Rakyat yang akan tanya soalan dan jawapan itu boleh dinilai oleh rakyat sendiri," katanya.

Sementara itu menyentuh mengenai format majlis tersebut, Syed Saddiq berkata, ia dibuat dalam suasana diskusi ilmiah dan bukan dalam bentuk perdebatan.

Sumber: www.sinarharian.com.my